

Kerajaan perlu habiskan penggal demi kestabilan

BERITA HARIAN

m/s. 3

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu kekal sebagai Perdana Menteri sehingga tamat penggal bagi menjamin kestabilan politik, sekali gus berupaya mendepani cabaran ekonomi yang serius ketika ini.

Bekas Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli, berkata sebarang pertukaran kuasa ketika negara bergelut dengan persekitaran ekonomi yang teruk, dibimbangi akan lebih memberi kesan lebih buruk kepada negara dan rakyatnya.

"Kita perlukan kerajaan yang stabil supaya ia boleh habiskan penggalnya. Kerajaan ini perlu dikekalkan bukan sebab saya ta-asub Anwar dan kuasa, tapi kerana negara tak boleh melalui pertukaran kuasa sekarang sebab kita sedang berdepan cabaran ekonomi yang teruk

"Dengan tarifnya (tarif timbal balas Amerika Syarikat). Kalau lihat unjuran terkini pertumbuhan ekonomi untuk beberapa negara ASEAN boleh berkurang dalam dua, tiga peratus, kalau pertumbuhan kita rendah, nayalah," katanya dalam audio siar Yang Berhenti Menteri, kelmarin.

Beliau yang mengulas gesaan pembangkang menggerakkan kempen 'Turun Anwar' menegaskan, sebarang perubahan kerajaan pada waktu ini tidak memberi jaminan keadaan akan bertambah baik selepas itu.

"Kalau kita melalui (pertukaran kuasa) ini, kalau kerajaan yang ada selepas ini lebih teruk dan kalau kerajaan yang ada sekarang pun tak memperbetul keadaan, yang rugi tetap rakyat. Sebagai Ahli Parlimen, tugas saya adalah untuk pastikan kerajaan ini melakukan yang terbaik untuk harungi cabaran yang seterusnya bagi tempoh satu, dua tahun akan datang ini.

"Inilah tanggungjawab kerajaan, yang walaupun saya tak setuju sepenuhnya, namun kalau boleh mendengar teguran dan jadi lebih baik, itu memadai," katanya.

Media melaporkan polis menjangka antara 10,000 hingga 15,000 orang akan menyertai Himpunan Turun Anwar yang dijadualkan pada Sabtu ini.

Pemangku Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mohamed Usuf Jan Mohamad, berkata penganjur sudah membuat pemakluman kepada pihak Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi.

Katanya, seramai 2,000 pegawai dan anggota akan ditugaskan bagi membantu melancarkan perhimpunan berkenaan, selain menjaga keselamatan peserta dan orang awam.